

Tingkatkan Keselamatan ICT, Bendung Serangan Siber : Datuk Dr. Yusof Yacob

Terakhir dikemaskini: Jumaat, 04 Oktober 2019 10:52 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 38

Kongsi 0

Syorkan 0

Kongsi

Tweet

Share



JUMAAT, 4 OKT -
Semua agensi kerajaan dan swasta di negeri ini diminta untuk meningkatkan keselamatan komunikasi maklumat (ICT) dalam usaha membendung serangan jenayah siber.

Menteri Pelajaran dan Inovasi Sabah, Datuk Dr. Yusof Yacob berkata antara

langkah yang boleh diambil untuk membendung masalah tersebut adalah melalui pengajuran kempen kesedaran keselamatan ICT dalam kalangan organisasi, orang awam serta keluarga.

“Kita sebagai pengguna ICT harus peka terhadap perkara-perkara yang melibatkan keselamatan ICT terutama apabila melibatkan organisasi kita. Keadaan ini tidak seperti sepuluh dan 20 tahun lalu yang mana kecanggihan teknologi ICT kini juga banyak mengundang masalah keselamatan,” ujarnya.

Beliau berkata lebih daripada 10,000 serangan keselamatan siber ke atas syarikat dan individu di seluruh negara direkodkan sepanjang tahun lalu menurut Malaysia Computer Response Team (MyCERT) yang dikendalikan di bawah CyberSecurity Malaysia.

“Menurut statistik yang dikeluarkan oleh Polis Diraja Malaysia, sebanyak 10,753 kes dilaporkan sepanjang tahun 2018 melibatkan kerugian sebanyak RM398.6 juta.

“Ini jelas menunjukkan masalah yang melibatkan keselamatan ICT di seluruh negara adalah sangat kritikal.

“Perancangan rapi dan teliti perlu dibuat supaya penggunaan aplikasi dan perkakasan keselamatan ICT yang terbaik dapat menyumbang kepada peningkatan kecekapan agensi masing-masing, memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan serta mengelakkan sebarang pembaziran yang diakibatkan oleh jenayah siber,” tambahnya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Seminar ICT (SEMIT) ke-12 Peringkat Negeri Sabah 2019 anjuran bersama Universiti Malaysia Sabah (UMS). Teks ucapan beliau dibacakan oleh Pembantu Menteri, Mohammad Mohamarin.

Terdahulu, Naib Canselor UMS, Profesor Datuk Dr. Taufiq Yap Yun Hin berkata tema seminar yang dipilih ‘*Digital Security : How Safe is Safe?*’ menekankan kesedaran kepada agensi-agensi kerajaan di negeri Sabah tentang Kerajaan Digital dan usaha meningkatkan keberkesanan keselamatan ICT dalam sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan dalam era Revolusi Industri 4.0.

“Dari segi keselamatan, secara tidak langsung segala masalah keselamatan internet yang kita hadapi sekarang ini sudah pasti akan diwarisi dan mungkin akan lebih hebat dan mencabar.

“Oleh yang demikian, isu keselamatan ICT dan dunia siber ini merupakan isu yang sangat penting agar kita sentiasa berada dalam keadaan siap siaga untuk sebarang kemungkinan,” ujar beliau.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Dekan Fakulti Komputeran dan Informatik UMS, Profesor Dr. Abdullah Gani.

Turut hadir, Pengarah Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) Cawangan Sabah, Dato Hj. Mohd Suhaili Mohd Taufek dan Pengarah Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi UMS, Profesor Madya Dr. Ag. Asri Ag. Ibrahim.